

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld XV
Tarikh: 12 Januari 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2010

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENYERTAAN DAN PEMBAHARUAN PELAN TAKAFUL KELUARGA
BERKELOMPOK KAKITANGAN UKM BAGI TEMPOH 1 FEBRUARI 2010 – 31
JANUARI 2011 DAN PELAN TAKAFUL MA'ASYI BERKELOMPOK
KAKITANGAN UKM**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari dalam proses menguruskan pembaharuan Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Kakitangan bagi tempoh 1 Februari 2010 hingga 31 Januari 2011 dan penyertaan Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok Kakitangan UKM. Bagi tempoh 1 Februari 2010 hingga 31 Januari 2011, Pelan Takaful Keluarga Berkelompok akan dikendalikan oleh Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad, manakala Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok masih dikendalikan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

Sehubungan itu sekiranya ada di antara kakitangan di Fakulti/Pusat/Institut/Bahagian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan yang ingin menyertai, memperbaharui, menukar skim atau menarik diri dari skim Pelan Takaful Keluarga Berkelompok, atau yang ingin menyertai Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok, kakitangan hendaklah mengisi borang berkaitan (dilampirkan) dan mengemukakanya ke Jabatan Bendahari sebelum **29 Januari, 2010**.

Sekiranya tiada sebarang maklumbalas selepas tarikh tersebut, pihak kami beranggapan kakitangan berkenaan bersetuju untuk mengekalkan skim yang sedia ada. Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Mohamed Termizi Othman (samb. 5032) atau Puan Sarinah Nayan (samb. 4384).

Kerjasama Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan di atas perkara ini sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi),UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa),UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat),UKM.
 - Pendaftar, UKM.

UKM(PER) :
Tarikh :

Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia
(u.p. En. Mohamed Termizi Othman)

Tuan/Puan,

**Memperbaharui Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Kakitangan UKM Untuk Tempoh
1 Februari 2010 – 31 Januari 2011 Dan Penyertaan Pelan Takaful Ma'asyi
Berkelompok UKM**

Merujuk kepada perkara di atas, saya

UKM(PER).....Fakulti/Pusat/Institut/Bahagian.....

adalah peserta Skim.....

Sila Tanda Pada Kotak Berkenaan (X)

Saya bersetuju memilih yang bertanda seperti dibawah:-

- Mengekalkan Skim Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Kakitangan UKM
- Menukar dari Skimkepada Skim.....
- Menarik Diri daripada Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Kakitangan UKM
- Menyertai Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok Kakitangan UKM
(Borang permohonan disertakan)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK
UNTUK TEMPOH 1 FEBRUARI 2010 HINGGA 31 JANUARI 2011

BORANG PENYERTAAN

1. NAMA : _____
2. NO. PEKERJA : _____
3. NO. K/PENGENALAN : _____
4. JABATAN/FAKULTI: _____
5. UMUR : _____
6. ALAMAT PESERTA : _____
(RUMAH) _____

7. NAMA WARIS : _____
8. ALAMAT WARIS : _____
(RUMAH) _____

9. SKIM INSURAN YANG DIPILIH (SATU SAHAJA) : _____
(SILA TANDAKAN)

NAMA SKIM	A	B	C	D
SKIM I				
SKIM II				
SKIM III				
SKIM IV				

TANDATANGAN : _____

TARIKH : _____

JABATAN BENDAHARI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK
UNTUK AHLI/KAKITANGAN UKM

MANFAAT TAKAFUL								SUMBANGAN TAKAFUL (RM)	
KATEGORI SKIM	KATEGORI MANFAAT	KEMATIAN BIASA (RM)	KEMATIAN KEMALANGAN (RM)	KELIATAN KEKAL ANGGOTA BADAN AKIBAT KEMALANGAN (RM)	KELIATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN (RM)	PERBELANJAAN PENGKEBUMIHAN (RM)	SETAHUN	SEBULAN	
SKIM I	A	TIADA	50,000.00	50,000.00	TIADA	TIADA	27.20	5.44	
	B	TIADA	30,000.00	30,000.00	TIADA	TIADA	16.30	3.26	
	C	TIADA	20,000.00	20,000.00	TIADA	TIADA	11.00	2.20	
	D	TIADA	10,000.00	10,000.00	TIADA	TIADA	5.50	1.10	
SKIM II	A	25,000.00	25,000.00	TIADA	25,000.00	1000.00	70.00	14.00	
	B	18,500.00	18,500.00	TIADA	18,500.00	1000.00	52.50	10.50	
	C	12,000.00	12,000.00	TIADA	12,000.00	1000.00	35.00	7.00	
	D	5,500.00	5,500.00	TIADA	5,500.00	1000.00	17.50	3.50	
SKIM III	A	25,000.00	55,000.00	30,000.00	25,000.00	1000.00	86.50	17.30	
	B	18,500.00	33,500.00	15,000.00	18,500.00	1000.00	60.75	12.15	
	C	12,000.00	22,000.00	10,000.00	12,000.00	1000.00	40.50	8.10	
	D	5,500.00	11,000.00	5,500.00	5,500.00	1000.00	20.25	4.05	
SKIM IV	A	25,000.00	75,000.00	50,000.00	25,000.00	1000.00	97.50	19.50	
	B	18,500.00	48,500.00	30,000.00	18,500.00	1000.00	69.00	13.80	
	C	12,000.00	32,000.00	20,000.00	12,000.00	1000.00	46.00	9.20	
	D	5,500.00	15,500.00	10,000.00	5,500.00	1000.00	23.00	4.60	

PELAN TAKAFUL MA'ASYI BERKELOMPOK

(MANFAAT PERSARAAN BERKELOMPOK)

1. PENGENALAN

1.1 Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok (PTMB) secara amnya adalah satu bentuk perlindungan yang bersesuaian dengan kaedah hukum syarak yang bertujuan untuk menyediakan manfaat takaful dalam bentuk bantuan kewangan jika ditakdirkan ahli/kakitangan meninggal dunia atau menderita kecacatan kekal anggota badan, ATAU sebagai insentif tambahan dari majikan kepada ahli/kakitangan dengan cara berikhtiar dan merancang bagi mengumpul suatu jumlah wang sebagai bekalan bersara.

1.2 Pelan ini menyediakan perlindungan & manfaat takaful kepada sekumpulan orang di bawah satu perjanjian (Sijil Takaful). Yang Demikian, urusan pentadbiran Pelan ini dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur.

2. TUJUAN PELAN TAKAFUL MA'ASYI BERKELOMPOK (PTMB)

2.1 Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok adalah bertujuan untuk :

menyediakan manfaat simpanan dan pelaburan jangka panjang untuk kegunaan ahli/kakitangan pada masa hadapan terutamanya apabila bersara ;

mewujudkan perlindungan takaful bersama secara beramai-ramai dengan menyediakan bantuan dalam bentuk manfaat kewangan kepada ahli/kakitangan atau waris-waris mereka sekiranya berlaku apa-apa bencana, malapetaka atau tragedi kemalangan atau serangan penyakit ke atas diri mereka ;

mewujudkan semangat saling jamin-menjamin, pelihara-memelihara dan kerjasama sesama Peserta Takaful sesuai dengan sebahagian kecil Sumbangan Takaful yang dibuat sebagai tabarru' (derma).

2.2 Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok ini dapat digunakan oleh mana-mana badan, koperasi atau persatuan terutamanya majikan sebagai satu cara untuk :

mengekalkan ahli/kakitangan utama atau semua ahli/kakitangan yang sedia ada dengan menyediakan insentif Manfaat Persaraan Takaful ;

menggalakkan semangat menabung dikalangan ahli/kakitangan selaras dengan kempen galakan menabung yang dijalankan oleh kerajaan sekarang ;

menjaga kepentingan dan kebajikan ahli/kakitangan dengan lebih sempurna. Dengan menyertai pelan ini, jika mana-mana ahli/kakitangan meninggal dunia atau ditimpa musibah samada disebabkan oleh penyakit atau kemalangan, maka bantuan kewangan kepada ahli/kakitangan atau waris-waris mereka boleh dibayar daripada pelan ini. Ini dapat membantu meringankan tekanan kewangan yang mungkin dihadapi oleh waris-waris terutamanya apabila berlaku kematian ketua keluarga.

3. PESERTA PELAN

3.1 Pihak yang bertanggungjawab bagi menganjurkan dan mengatur pelan ini adalah pihak pencadang sendiri. Oleh hal yang demikian, Perjanjian Takaful akan dimeterikan di antara pihak pencadang dengan Syarikat. Maka dalam konteks ini peserta takaful di bawah pelan ini adalah bermaksud pihak pencadang.

Antara lain peserta Takaful atau pencadang bertanggungjawab untuk :

menguruskan bayaran sumbangan Takaful kepada Syarikat mengikut tarikh yang ditetapkan ;

menyelaraskan semua pemberhentian atau kemasukan ahli/kakitangan baru yang layak diperlindungi di bawah pelan ini ;

menguruskan mana-mana permohonan tuntutan yang dikemukakan oleh ahli/kakitangan yang dilindungi ;

menguruskan manfaat perolehan takaful semasa serahan atau Sijil matang untuk diagihkan kepada ahli/kakitangan.

4. SKOP MANFAAT

4.1 Skop perlindungan Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok (PTMB) adalah seperti yang dikemukakan di dalam sebutharga Syarikat. Penerangan berhubung dengan skop-skop perlindungan adalah seperti pada lampiran.

4.2 Pelan ini memberi perlindungan takaful 24 jam termasuk di dalam waktu bekerja atau di luar waktu bekerja dan di mana-mana tempat seluruh dunia.

5. PENYERTAAN

5.1 Borang Cadangan & Akuan.

Pencadang adalah dikehendaki mengisi Borang Cadangan & Akuan atau perakuan yang seumpamanya yang diterima oleh Syarikat. Antara maklumat yang perlu dinyatakan dengan jelas adalah :

Nama ahli/kakitangan

Nombor Kad Pengenalan

Tarikh Lahir

Pekerjaan / jawatan

Amaun Caruman / Manfaat Takaful

5.2 Had Umur dan Tempoh Penyertaan

-Had umur penyertaan adalah antara 18 tahun sehingga ahli mencapai umur 55 tahun atau sehingga umur bersara tertakluk kepada umur maksima 65 tahun. Dengan yang demikian ahli boleh menyertai Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok sehingga tempoh matang seperti yang dinyatakan di atas.

5.3 Amaun Manfaat Takaful

Amaun perlindungan yang dicadangkan oleh Syarikat untuk dipertimbangkan oleh Pencadang adalah seperti yang dikemukakan di dalam Sebutharga Syarikat, tertakluk kepada maksima perlindungan 120 kali gaji bulanan.

5.4 Amaun Caruman Takaful

Caruman minima bulanan adalah sebanyak RM 10.00 sebulan. Caruman atau bayaran ansuran takaful ini hendaklah dibuat atau diuruskan oleh peserta/majikan. Caruman tersebut boleh dibuat samada secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan.

Amaun Caruman Takaful yang dibayar akan dibahagikan kepada dua bahagian. Sebahagian besar wang caruman akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta sebagai akaun simpanan dan pelaburan ahli/kakitangan manakala sebahagian lagi akan dikreditkan ke dalam Akaun Takaful Keluarga Berkelompok sebagai tabarru'.

5.5 Perakuan Kesihatan

Ahli/kakitangan yang ingin diperlindungi di bawah Pelan ini pada amnya, tidak perlu mengisi 'Borang Perakuan Kesihatan' atau mendapat pemeriksaan doktor.

Walaupun, mereka dikehendaki memenuhi syarat-syarat kesihatan seperti berikut :

pada tarikh mula kuatkuasa perlindungan, ahli/kakitangan berkenaan hendaklah aktif bekerja atau bercuti biasa (cuti yang berkaitan dengan kesihatan diri atau kecederaan tubuh badan) ;

dalam tempoh 3 (tiga) bulan sebelum tarikh mula kuatkuasa perlindungan, ahli/kakitangan itu hendaklah tidak mempunyai rekod cuti terkumpul melebihi 7 (tujuh) hari yang berkaitan dengan kesihatan diri atau kecederaan tubuh badan ;

bagi ahli/kakitangan wanita yang sedang mengandung, usia kandungan itu hendaklah tidak melebihi 6 (enam) bulan pada tarikh mula kuatkuasa perlindungan. Sekiranya usia kandungan mereka melebihi 6 bulan, tarikh penyertaan mereka hendaklah ditangguh sehingga setelah melahirkan kandungan tersebut.

Sekiranya terdapat ahli/kakitangan yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas, Syarikat boleh mempertimbangkan penyertaan mereka jika terdapat permohonan daripada Pencadang.

Bagi ahli/kakitangan yang menyertai Pelan selepas Sijil berkuatkuasa atau ingin mengubah amaun caruman atau manfaat takaful, ahli tersebut adalah dikehendaki mengisi borang endorsemen seperti pada lampiran.

5.6 Sijil Takaful

Semua ahli/kakitangan akan dilindungi di bawah satu Sijil Induk yang akan dikeluarkan atas nama Peserta. Sijil ini akan berkuatkuasa dari setahun ke setahun. Yang demikian, perlindungan ke atas ahli/kakitangan juga akan berjalan dari setahun ke setahun selagi mana Sijil ini diperbaharui sehinggalah ahli/kakitangan mencapai had umur maksima yang ditetapkan dalam Sijil Induk.

Setiap ahli/kakitangan pula akan diberi 'Sijil Akuan Keahlian' yang mengandungi butir-butir peribadi ahli dan ringkasan Manfaat Takaful untuk rujukan ahli/kakitangan.

6. TUNTUTAN MANFAAT TAKAFUL

6.1 Jika berlaku sebarang tuntutan di bawah pelan ini samada penyerahan Sijil ketika matang atau apa-apa kejadian yang dilindungi sebagaimana yang dijelaskan dalam Sijil Takaful ini, maka Peserta boleh mengemukakan tuntutan kepada Syarikat bagi mendapatkan Manfaat Takaful berkenaan dengan memberi notis secara bertulis dengan seberapa segera bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan.

6.2 Bagi memudahkan Syarikat memproses permohonan tuntutan ini, maka pihak Peserta secara amnya adalah diminta supaya mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Syarikat dalam tempoh 30 (tiga puluh) hari :

Sijil Akuan Keahlian

Borang tuntutan yang lengkap diisi

Salinan Kad Pengenalan ahli / kakitangan yang membuat tuntutan

Laporan polis, jika perlu

Laporan perubatan dari doktor bertauliah, jika perlu

Salinan Sijil Beranak

Sijil Perakuan Kematian (jika kematian)

Permit Menguburkan (jika kematian)

Lain-lain dokumen jika diminta oleh Syarikat

Apa-apa bayaran atau perbelanjaan yang terlibat bagi mendapatkan dokumen-dokumen di atas adalah tanggungjawab pihak Peserta.

6.3 Bayaran manfaat takaful bersabit daripada tuntutan yang dikemukakan akan dibuat oleh Syarikat atas nama Peserta dan Syarikat tidak akan berurusan secara langsung dengan mana-mana ahli/kakitangan yang diperlindungi itu atau wakil-wakil peribadi mereka.

7. SERAHAN SIJIL

Sekiranya mana-mana ahli/kakitangan yang menyertai Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok (PTMB) berhenti dari menjadi ahli atau menamatkan tugasnya dengan majikan, Peserta hendaklah memaklumkan kepada Syarikat. Dokumen-dokumen dan borang-borang yang berkaitan hendaklah dilengkapkan dan diserahkan oleh majikan kepada Syarikat. Segala amaun yang terkumpul dalam Akaun Peserta dan keuntungannya, jika ada, akan dibayar kepada majikan.

8. SIJIL MATANG

Apabila ahli/kakitangan mencapai had umur bersara seperti yang dinyatakan di dalam Sijil, amaun yang terkumpul dalam Akaun Peserta dan keuntungan akan dibayar kepada Peserta. Peserta sebagai pihak yang berhak perlu melengkapkan borang melepaskan haknya ke atas Sijil ini dengan mengisi Borang Tuntutan dan Pelepasan. Tuntutan selain daripada Peserta ke atas Sijil Matang tidak akan dilayan.

9. CIRI-CIRI KELEBIHAN PELAN TAKAFUL MA'ASYI BERKELOMPOK

9.1 Pengecualian Cukai Pendapatan

Semua ahli/kakitangan di bawah Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok adalah layak mendapat pengecualian cukai pendapatan dari caruman yang dibayar pada setiap tahun.

9.2 Pilihan Untuk Meneruskan Penyertaan

Ahli-ahli yang tamat penyertaannya samada kerana bersara, berhenti kerja atau bertukar majikan diberi pilihan untuk meneruskan penyertaannya dalam Pelan Takaful Keluarga tanpa perlu mengemukakan bukti kesihatan yang baru.

Selain daripada itu, ahli juga boleh menggunakan perolehan manfaat matangnya dengan menyertai Pelan Takaful Ma'asyi bagi memperolehi jaminan pendapatan yang berterusan selepas bersara.

9.3 Perkongsian Untung Al-Mudharabah

Perniagaan Takaful adalah berasaskan hukum al-Mudharabah (berkongsi untung dalam perniagaan). Yang demikian, apabila Akaun Peserta dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga memperolehi keuntungan, maka keuntungan tersebut akan dibahagikan di antara ahli dan Syarikat berdasarkan nisbah 70% kepada ahli dan 30% kepada Syarikat.

Selain daripada itu, Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok (PTMB) juga menawarkan perkongsian keuntungan dari lebih kendalian daripada amaun yang ditabarru'kan pada setiap tahun. Keuntungan tersebut boleh dibayar samada kepada Peserta ataupun dikreditkan terus ke dalam Akaun Peserta ahli-ahli.

ILLUSTRASI MANFAAT PELAN TAKAFUL MA'ASYI BERKELOMPOK

Pemegang Sijil Induk : UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Caruman Takaful Bersi : 33.00
 Kadar Tabarru' : 63%
 Keuntungan Pelaburan : 4% setahun
 Umur Masa Matang : 65 tahun
 Mudharabah ATKB : 30%

Manfaat Asas Takaful	
D	: 30,000
PTD	: 30,000
PA	: 60,000
AD	: 60,000
DD	: 30,000
HBa	: 30
FE	: 2,000

Umur Ahli Sekarang (tahun)	Tempoh Penyertaan (tahun)	Jumlah Caruman (RM)	Tabung Pelaburan Terkumpul	Kadar Pulangan (%)	Manfaat Takaful					
					Kematian & PTD	Kematian Kemalangan	Keilatan Kekal Akibat Kemalangan	Belanja Kebumi	Perlindungan Penyakit Kritikal	Wad Hospital Akibat Kemalangan / hari (max 365 hari)
D	1	396	228	58%	30,228	60,228	60,000	2,000	30,000	30
	2	792	465	59%	30,465	60,465	60,000	2,000	30,000	30
62	3	1,188	712	60%	30,712	60,712	60,000	2,000	30,000	30
61	4	1,584	968	61%	30,968	60,968	60,000	2,000	30,000	30
60	5	1,980	1,235	62%	31,235	61,235	60,000	2,000	30,000	30
59	6	2,376	1,512	64%	31,512	61,512	60,000	2,000	30,000	30
58	7	2,772	1,801	65%	31,801	61,801	60,000	2,000	30,000	30
57	8	3,168	2,101	66%	32,101	62,101	60,000	2,000	30,000	30
56	9	3,564	2,413	68%	32,413	62,413	60,000	2,000	30,000	30
55	10	3,960	2,738	69%	32,738	62,738	60,000	2,000	30,000	30
54	11	4,356	3,075	71%	33,075	63,075	60,000	2,000	30,000	30
53	12	4,752	3,426	72%	33,426	63,426	60,000	2,000	30,000	30
52	13	5,148	3,791	74%	33,791	63,791	60,000	2,000	30,000	30
51	14	5,544	4,171	75%	34,171	64,171	60,000	2,000	30,000	30
50	15	5,940	4,566	77%	34,566	64,566	60,000	2,000	30,000	30
49	16	6,336	4,977	79%	34,977	64,977	60,000	2,000	30,000	30
48	17	6,732	5,404	80%	35,404	65,404	60,000	2,000	30,000	30
47	18	7,128	5,848	82%	35,848	65,848	60,000	2,000	30,000	30
46	19	7,524	6,310	84%	36,310	66,310	60,000	2,000	30,000	30
45	20	7,920	6,790	86%	36,790	66,790	60,000	2,000	30,000	30
44	21	8,316	7,290	88%	37,290	67,290	60,000	2,000	30,000	30
43	22	8,712	7,809	90%	37,809	67,809	60,000	2,000	30,000	30
42	23	9,108	8,350	92%	38,350	68,350	60,000	2,000	30,000	30
41	24	9,504	8,912	94%	38,912	68,912	60,000	2,000	30,000	30
40	25	9,900	9,496	96%	39,496	69,496	60,000	2,000	30,000	30
39	26	10,296	10,104	98%	40,104	70,104	60,000	2,000	30,000	30
38	27	10,692	10,736	100%	40,736	70,736	60,000	2,000	30,000	30
37	28	11,088	11,394	103%	41,394	71,394	60,000	2,000	30,000	30
36	29	11,484	12,078	105%	42,078	72,078	60,000	2,000	30,000	30
35	30	11,880	12,789	108%	42,789	72,789	60,000	2,000	30,000	30
34	31	12,276	13,528	110%	43,528	73,528	60,000	2,000	30,000	30
33	32	12,672	14,297	113%	44,297	74,297	60,000	2,000	30,000	30
32	33	13,068	15,097	116%	45,097	75,097	60,000	2,000	30,000	30
31	34	13,464	15,929	118%	45,929	75,929	60,000	2,000	30,000	30
30	35	13,860	16,794	121%	46,794	76,794	60,000	2,000	30,000	30
29	36	14,256	17,694	124%	47,694	77,694	60,000	2,000	30,000	30
28	37	14,652	18,630	127%	48,630	78,630	60,000	2,000	30,000	30
27	38	15,048	19,603	130%	49,603	79,603	60,000	2,000	30,000	30
26	39	15,444	20,615	133%	50,615	80,615	60,000	2,000	30,000	30
25	40	15,840	21,668	137%	51,668	81,668	60,000	2,000	30,000	30
24	41	16,236	22,763	140%	52,763	82,763	60,000	2,000	30,000	30
23	42	16,632	23,901	144%	53,901	83,901	60,000	2,000	30,000	30
22	43	17,028	25,085	147%	55,085	85,085	60,000	2,000	30,000	30
21	44	17,424	26,317	151%	56,317	86,317	60,000	2,000	30,000	30
20	45	17,820	27,598	155%	57,598	87,598	60,000	2,000	30,000	30
19	46	18,216	28,930	159%	58,930	88,930	60,000	2,000	30,000	30
18	47	18,612	30,315	163%	60,315	90,315	60,000	2,000	30,000	30

ILLUSTRASI MANFAAT PELAN TAKAFUL MA'ASYI BERKELOMPOK

Pemegang Sijil Induk : UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Manfaat Asas Takaful	
D	40,000
PTD	40,000
PA	80,000
AD	80,000
DD	40,000
HBa	40
FE	2,000

Caruman Takaful Bersi : 44.00
 Kadar Tabarru' : 62%
 Keuntungan Pelaburan : 4% setahun
 Umur Masa Matang : 65 tahun
 Mudharabah ATKB : 30%

Umur Ahli Sekarang (tahun)	Tempoh Penyertaan (tahun)	Jumlah Caruman (RM)	Tabung Pelaburan Terkumpul	Kadar Pulangan (%)	Manfaat Takaful					
					Kematian & PTD	Kematian Kemalangan	Keilatan Kekal Akibat Kemalangan	Belanja Kebumi	Perlindungan Penyakit Kritikal	Wad Hospital Akibat Kemalangan / hari (max 365 hari)
64	1	528	305	58%	40,305	80,305	80,000	2,000	40,000	40
	2	1,056	623	59%	40,623	80,623	80,000	2,000	40,000	40
	3	1,584	953	60%	40,953	80,953	80,000	2,000	40,000	40
61	4	2,112	1,297	61%	41,297	81,297	80,000	2,000	40,000	40
60	5	2,640	1,654	63%	41,654	81,654	80,000	2,000	40,000	40
59	6	3,168	2,025	64%	42,025	82,025	80,000	2,000	40,000	40
58	7	3,696	2,412	65%	42,412	82,412	80,000	2,000	40,000	40
57	8	4,224	2,814	67%	42,814	82,814	80,000	2,000	40,000	40
56	9	4,752	3,232	68%	43,232	83,232	80,000	2,000	40,000	40
55	10	5,280	3,666	69%	43,666	83,666	80,000	2,000	40,000	40
54	11	5,808	4,118	71%	44,118	84,118	80,000	2,000	40,000	40
53	12	6,336	4,588	72%	44,588	84,588	80,000	2,000	40,000	40
52	13	6,864	5,077	74%	45,077	85,077	80,000	2,000	40,000	40
51	14	7,392	5,586	76%	45,586	85,586	80,000	2,000	40,000	40
50	15	7,920	6,114	77%	46,114	86,114	80,000	2,000	40,000	40
49	16	8,448	6,664	79%	46,664	86,664	80,000	2,000	40,000	40
48	17	8,976	7,236	81%	47,236	87,236	80,000	2,000	40,000	40
47	18	9,504	7,831	82%	47,831	87,831	80,000	2,000	40,000	40
46	19	10,032	8,450	84%	48,450	88,450	80,000	2,000	40,000	40
45	20	10,560	9,093	86%	49,093	89,093	80,000	2,000	40,000	40
44	21	11,088	9,762	88%	49,762	89,762	80,000	2,000	40,000	40
43	22	11,616	10,458	90%	50,458	90,458	80,000	2,000	40,000	40
42	23	12,144	11,182	92%	51,182	91,182	80,000	2,000	40,000	40
41	24	12,672	11,934	94%	51,934	91,934	80,000	2,000	40,000	40
40	25	13,200	12,717	96%	52,717	92,717	80,000	2,000	40,000	40
39	26	13,728	13,531	99%	53,531	93,531	80,000	2,000	40,000	40
38	27	14,256	14,378	101%	54,378	94,378	80,000	2,000	40,000	40
37	28	14,784	15,258	103%	55,258	95,258	80,000	2,000	40,000	40
36	29	15,312	16,174	106%	56,174	96,174	80,000	2,000	40,000	40
35	30	15,840	17,126	108%	57,126	97,126	80,000	2,000	40,000	40
34	31	16,368	18,117	111%	58,117	98,117	80,000	2,000	40,000	40
33	32	16,896	19,147	113%	59,147	99,147	80,000	2,000	40,000	40
32	33	17,424	20,218	116%	60,218	100,218	80,000	2,000	40,000	40
31	34	17,952	21,332	119%	61,332	101,332	80,000	2,000	40,000	40
30	35	18,480	22,491	122%	62,491	102,491	80,000	2,000	40,000	40
29	36	19,008	23,696	125%	63,696	103,696	80,000	2,000	40,000	40
28	37	19,536	24,949	128%	64,949	104,949	80,000	2,000	40,000	40
27	38	20,064	26,252	131%	66,252	106,252	80,000	2,000	40,000	40
26	39	20,592	27,608	134%	67,608	107,608	80,000	2,000	40,000	40
25	40	21,120	29,017	137%	69,017	109,017	80,000	2,000	40,000	40
24	41	21,648	30,483	141%	70,483	110,483	80,000	2,000	40,000	40
23	42	22,176	32,008	144%	72,008	112,008	80,000	2,000	40,000	40
22	43	22,704	33,594	148%	73,594	113,594	80,000	2,000	40,000	40
21	44	23,232	35,243	152%	75,243	115,243	80,000	2,000	40,000	40
20	45	23,760	36,958	156%	76,958	116,958	80,000	2,000	40,000	40
19	46	24,288	38,742	160%	78,742	118,742	80,000	2,000	40,000	40
18	47	24,816	40,597	164%	80,597	120,597	80,000	2,000	40,000	40

Tiada siapa yang boleh menjangka apa akan berlaku pada masa hadapan. Bayangkan, kita diserang sakit jantung atau angin ahmar dan masih hidup. Kita akan memerlukan wang yang banyak untuk belanja perubatan yang entah berapa lama diperlukan.

Cara paling baik untuk menghadapi keadaan ini ialah membuat persediaan yang rapi sebelum sesuatu berlaku. Sesetengah penyakit kritikal misalnya tidak boleh dijangka akan menimpa atau dicegah. Apa pun rawatan segera amat mustahak.

APAKAH PELAN TAKAFUL SIHAT

TAKAFUL SIHAT menyediakan perlindungan untuk 36 jenis penyakit kritikal. Dengan mencarum melalui TAKAFUL SIHAT, anda akan memperolehi manfaat sejumlah wang secukupnya untuk membiayai rawatan. Oleh kerana manfaat tersebut terus kepada anda maka anda sendiri boleh memilih cara bagaimana penyakit itu perlu dirawat dengan sebaik mungkin.

SIAPAKAH YANG LAYAK MENYERTA

TAKAFUL SIHAT boleh disertai oleh mana-mana individu yang berusia 18 - 55 tahun.

TEMPOH PENYERTAAN

Tempoh penyertaan mengikut pakej adalah 10, 15 dan 20 tahun

SKOP PERLINDUNGAN

Meliputi :

- | | |
|-------------------------------|------------------------------------|
| a) Diagnosa Penyakit Kritikal | e) Perbelanjaan Pengkebumian |
| b) Kematian | f) Manfaat Hospital (Elaun Harian) |
| c) Hilang Upaya Kekal | g) Pengeluaran tunai |
| d) Malangan Diri | |

MANFAAT PELAN TAKAFUL SIHAT

PILIHAN MANFAAT

- i) **Manfaat A (Dengan simpanan)**
Manfaat ini menyediakan tabungan selain melindungi 36 jenis penyakit kritikal. Disamping itu peserta juga berhak untuk berkongsi untung mengikut prinsip al-Mudharabah.
- ii) **Manfaat B (Tanpa simpanan)**
Manfaat ini melindungi 36 jenis penyakit kritikal dengan caruman yang rendah dikenakan. Selain itu peserta berhak berkongsi untung mengikut prinsip al-Mudharabah.

- | | |
|--|--|
| 1. Serangan Penyakit Jantung | 15. Meningitis Bakterial |
| 2. Strok (Angin Ahmar) | 16. Tumor Otak Benigna |
| 3. Kanser | 17. Pembedahan Otak |
| 4. Pembedahan Pintas Arteri Koronari | 18. Trauma Kepala Utama |
| i. Penyakit Koronari Arteri yang memerlukan pembedahan | 19. Hepatitis Virus Fulminan |
| ii. Pembedahan Angio dan lain-lain rawatan pembedahan untuk penyakit Arteri Koronari | 20. Penyakit Hati Kronik |
| 5. Lain-lain Penyakit Arteri Koronari yang serius | 21. Penyakit Paru-paru Kronik |
| 6. Pembedahan Injap Jantung | 22. Anemia Aplastik |
| 7. Pembedahan Aorta | 23. Poliomielitis |
| 8. Hipertensi Arteri Pulmonari Utama | 24. Distrofi Otot |
| 9. Sklerosis Berbilang | 25. Kegagalan Buah Pinggang |
| 10. Penyakit Alzheimer (Kepincangan Rosotan Otak Organik yang tidak boleh sembuh) | 26. Buta |
| 11. Penyakit Neuron Motor | 27. Pekak |
| 12. Penyakit Parkinson | 28. Hilang Kebolehan Bertutur |
| 13. Ensefalitis | 29. Kebakaran Parah |
| 14. Sindrom Apalik | 30. Pemindahan Organ Utama |
| | 31. Kelumpuhan |
| | 32. Koma |
| | 33. Penyakit Membawa Maut |
| | 34. Sistemik Lupus Erythemato (SLE) dengan Lupus Nephritis |
| | 35. AIDS akibat Pemindahan Darah |
| | 36. AIDS Peringkat Lewat |

Pelan ini tidak meliputi penyakit yang telah sedia dihadapi dan simptom yang sedia ada serta penyakit yang berlaku dalam tempoh 30 hari daripada tarikh sijil berkuatkuasa.

FAEDAH DAN KEISTIMEWAAN

- i) Pilihan perlindungan beserta simpanan (Manfaat A) atau perlindungan sahaja (Manfaat B)
- ii) Caruman mengikut kemampuan/umur
- iii) Perbelanjaan pengkebumian
- iv) Hak berkongsi untung Al-Mudharabah
- v) Elaun bulanan untuk hilang upaya kekal sehingga berumur 65 tahun

BAGAIMANA MENYERTA

Hubungi pegawai kami atau kunjungi mana-mana rangkaian pejabat Takaful Malaysia. Isikan dengan betul dan lengkapkan Borang Cadangan dan Adu (BCA) yang disediakan secara percuma dan serahkan kembali kepada pejabat Takaful Malaysia berserta wang ansuran caruman pertama supaya penyerta dapat berkuat kuasa dengan segera.

CARA BAYARAN

- | | |
|-----------------------|----------------------------|
| a) Potongan gaji | d) Menerusi cek atau tunai |
| b) Arahkan tetap bank | e) Kad Kredit atau Caj |
| c) Giro | f) Kad TM Smart BIMB |

Nota: Sijil Takaful adalah rujukan yang sah dan muktamad. Pastikan anda menerima resit rasmi syarikat bagi setiap bayaran yang dibuat.

KELEBIHAN MENYERTAI PELAN TAKAFUL MA'ASYI BERKELOMPOK

Antara kelebihan menyertai pelan ini adalah seperti berikut :

- a. Tabungan jangka masa panjang
- b. Kematian dan Keilatan Kekal
- c. Kematian Akibat Kemalangan
- d. Keilatan Kekal Akibat Kemalangan
- e. Perlindungan Penyakit Kritikal (36 jenis penyakit kritikal)
- f. Elaun Hospital Akibat Kemalangan
- g. Pelepasan Cukai Pendapatan
- h. Simpanan dan pelaburan yang sesuai
- i. Bayaran melalui potongan gaji
- j. Belanja pengkebumian dalam masa 24 jam



BORANG PENYERTAAN PELAN TAKAFUL MA'ASYI BERKELOMPOK

Nama : _____

No. Kakitangan : _____

No. K/Pengenalan : _____

Jab. /Bhgn. /Caw. : _____

Taraf Perkahwinan : _____

Nama Wasi : _____

Adalah dengan ini, saya bersetuju agar bayaran caruman bagi Pelan Takaful Ma'asyi Berkelompok dan Skim Khairat Kematian dibuat melalui potongan gaji bulanan saya sebanyak RM _____ sebulan.

.....
(Tandatangan)

Nama : _____

No. K/Pengenalan : _____

Tarikh : _____

Disahkan oleh:

.....
Unit Gaji, Universiti Kebangsaan Malaysia